

Pemimpin belia dicabar serlah potensi

ALORSETAR - Pemimpin belia digesa memainkan peranan memimpin dan memperkasakan rakan-rakan belia agar berada di landasan betul seperti yang dimahukan pemimpin dan masyarakat, untuk berdepan pelbagai cabaran masa kini.

Exco Belia dan Sukan, Datuk Aminuddin Omar berkata, sebagai tunggak masa depan negara, belia perlu bersedia menangkis cabaran negatif yang dihadapi golongan itu kini, iaitu gejala sosial yang meruncing antaranya penyalahgunaan dadah dan merempit.

"Sebanyak 45.8 peratus daripada keseluruhan populasi penduduk Malaysia ialah belia, namun golongan belia hari ini dilihat semakin kurang dari aspek kerohanian dan

keagamaan termasuk sikap menghormati orang lebih berusia. Berdasarkan kajian, tahap potensi kepimpinan dalam kalangan belia negara ini masih di tahap sederhana dan perlu digilap bagi menyerlahkan potensi mereka," katanya, ketika berucap pada Majlis Penutup Program Himpunan Kebangsaan Pemimpin Belia Malaysia, mewakili Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Seramai 150 pemimpin belia Malaysia menyertai program tiga hari anjuran Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM) **Universiti Utara Malaysia (UUM)**, dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Majlis Belia Negeri Kedah.



Aminuddin (tengah) bersama peserta yang hadir.